

Singkir pemimpin terbukti bersalah

11 FEB 1994

Oleh WAHID HASHIM

KUALA LUMPUR 10 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, manifesto Parti Bersatu Sabah (PBS) untuk membantaras rasuah di kalangan para pemimpinnya hendaklah didahului dengan menyingkirkan pemimpinnya yang telah terbukti bersalah kerana amalan rasuah.

Menurut Perdana Menteri, manifesto PBS itu adalah lambang 'keganjilan' di dalam parti tersebut, kerana presiden parti itu, Datuk Joseph Pairin Kitingan sendiri dibuktikan oleh mahkamah mengamalkan rasuah tetapi bercakap pula tentang usaha mencegah amalan kotor itu.

"Inilah keganjilan yang terdapat dalam PBS... sementara pemimpinnya

bersalah kerana rasuah, dia masih hendak terus bertanding, hendak jadi wakil rakyat dan bercakap pula, dia (pemimpin PBS) hendak menghapuskan rasuah," kata beliau.

Perdana Menteri berkata demikian kepada para pemberita selepas menghadiri rumah terbuka sempena Tahun Baru Cina Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding di sini, hari ini.

Dr. Mahathir diminta mengulas manifesto PBS setebal 52 muka surat, antara lain berazam membantaras kegiatan rasuah di kalangan para pemimpinnya sedangkan Presiden PBS sendiri, Datuk Joseph Pairin Kitingan baru-baru ini telah dihadapkan ke mahkamah kerana rasuah dan telah dibuktikan bersalah.

Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu pada 17 Januari menjatuhkan hukuman denda RM1,800 atau penjara enam bulan terhadap Pairin kerana bersalah menggunakan kedudukan menawarkan projek pembinaan rumah kediaman di kawasan pilihanraya Tambunan kepada sebuah syarikat yang iparnya mempunyai kepentingan.

Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan semasa mengumumkan manifesto berkenaan mahu terus mempertahankan segala perjuangannya selama ini.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir menyifatkan orang seperti itu sebagai *cynic* (sinis) iaitu, "tidak boleh berpegang kepada percakapan mereka".

Kepada satu soalan, beliau menegaskan: "Kalau

dia (PBS) hendak kita bersih daripada rasuah, mereka kenalah bersihkan diri mereka dulu.. kenalah *wipe out* pemimpin mereka dulu."

Kata Perdana Menteri, perbuatan rasuah yang telah dilakukan oleh pemimpin Sabah memang telah dibuktikan di mahkamah.

Menurut beliau, walaupun denda yang dikenakan sedikit dan ini membolehkan pemimpin berkenaan terus berpolitik, tetapi hakikatnya pemimpin tersebut bersalah.

"Memang sudah dibuktikan oleh mahkamah... tidak kiralah denda itu sengaja diturunkan supaya dia masih boleh terus berpolitik, tetapi hakikatnya ialah dia didapati salah," tegasnya.